

Hari Keluarga Sains Sekitaran 2012

Artikel oleh: Carolyn Melissa Payus



Gambar kenang-kenangan bersama para pensyarah Program Sains Sekitaran.

Hari Keluarga Sains Sekitaran telah diadakan di perkarangan pantai Tanjung Aru, Kota Kinabalu, pada 14 Jun 2012 (Khamis), bermula jam 9.00 pagi. Seramai 50 orang pelajar daripada Program Sains Sekitaran yang majoritinya merupakan pelajar tahun akhir, dan turut diceriakan dengan kehadiran para pensyarah iaitu Farrah Anis Fazliatul Adnan; Ahmad Norazhar Mohd Yatim dan Carolyn Melissa Payus, yang telah memeriahkan lagi sambutan aktiviti pada hari tersebut. Pelbagai acara telah diadakan antaranya bola baling pantai, baling belon air serta pecah belon berpasangan. Tujuan utama aktiviti ini dijalankan adalah untuk mengeratkan lagi hubungan antara para pelajar dan para pensyarah Program Sains Sekitaran.



Permainan baling air dalam belon.



Permainan bola baling pantai.



Permainan pecah belon secara berpasangan dengan kaki terikat antara satu sama lain.